

# Sejahtera MADANI pacu kerjasama strategik awam, swasta

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my

**Program** Kesejahteraan Rakyat Malaysia MADANI (Sejahtera MADANI) dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan memberi tumpuan kepada empat aspek utama iaitu peningkatan pendapatan, pendidikan, perumahan dan kebajikan adalah pendekatan bersepadu terkini kerajaan untuk menoktahkan kemiskinan tegar di negara ini.

Pembabitan sebanyak 38 syarikat korporat dengan komitmen sumbangan hampir RM120 juta mampu menjadi formula strategik dalam mencapai agenda memperkuuh usaha kerajaan membanteras kemiskinan tegar secara menyeluruh dan berfokus.

Lebih menarik lagi apabila selain sumbangan tunai, beberapa syarikat tampil menawarkan program intervensi khusus seperti Program Keusahawanan Digital dan Inisiatif Pemerksaan Ekonomi.

Dalam suasana ekonomi mencabar masa kini, ketidaktentuan persekitaran geopolitik serta negara masih dalam proses pemulihan pascapandemik COVID-19, kerajaan berhadapan dengan cabaran besar untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Justeru, kerjasama strategik dengan pihak swasta adalah pendekatan penting bagi menoktahkan kemiskinan tegar di negara ini. Ironinya, kerajaan sahaja tidak mampu memikul tanggungjawab ini secara bersendirian. Sektor swasta penting bagi menjana sinergi sumber, kepakaran dan rangkaian capaian kepada kumpulan sasar.

Umumnya, pendekatan ini menandakan perubahan paradigma dalam dasar sosial negara yakni daripada bantuan berbentuk sekali beri kepada strategi jangka panjang membabitkan pelbagai pemegang taruh.

Kesediaan pihak swasta menghulurkan bantuan demi meringankan beban anggota masyarakat wajar dipuji dan patut menjadi suri teladan kepada pihak lain untuk sama-sama berganding bahu dengan kerajaan.

Walaupun kerjasama awam-swasta bukan perkara baharu, Sejahtera MADANI meletakkannya dalam kerangka nasional lebih sistematik dan bersepdua apabila sumbangan akan dimanfaatkan

menerusi pelaksanaan Tabung Sejahtera MADANI diselia Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi membantu isi rumah miskin dan miskin tegar yang berdaftar dalam sistem eKasih.

Justeru, sebagai penambahbaikan berterusan, antara pendekatan boleh dilaksanakan ialah membuat pemetaan dan suai padan dengan kepakaran pihak swasta dengan keperluan setempat masyarakat.

Misalnya, kerajaan mempunyai data lokasi miskin tegar di seluruh negara serta mengetahui maklumat apa keperluan nyata kelompok itu untuk dapat keluar daripada status miskin tegar.

Pihak swasta boleh bertindak mengikut data dan keperluan berkenaan, sekali gus menyalurkan kepakaran dimiliki yang boleh dipadankan ke lokasi berkaitan di bawah penyeliaan ICU agar kumpulan sasar menerima manfaat secara menyeluruhan.

Kerajaan boleh menawarkan pelbagai kemudahan kepada syarikat korporat untuk galakkan penyertaan mereka seperti meningkatkan lagi insentif cukai, pengiktirafan atau peluang kolaborasi khas kepada syarikat yang menyumbang secara langsung kepada program Sejahtera MADANI.

**“Diharap juga lebih banyak syarikat korporat akan tampil menyertai Program Kampung Angkat MADANI bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, sekali gus merealisasikan hasrat menoktahkan kemiskinan tegar”**

Ini termasuk insentif kepada majikan menggaji pekerja golongan B40 atau syarikat membina infrastruktur di kawasan luar bandar.

Selain syarikat korporat yang ada kemampuan kewangan, institusi pendidikan tinggi (IPT) swasta juga boleh merancakkan pelaksanaan pelbagai program turun padang yang biasa dilakukan IPT awam seperti program Sukarelawan Bakti MADANI, program ‘Santuni MADANI’ dan Kampung Angkat MADANI.

## Perkasa komuniti luar bandar, kampung

Program seperti ini boleh memperkasakan komuniti luar bandar dan kampung, selaras dengan saranan kerajaan supaya kepakaran dimiliki IPT disalurkan kepada kelompok masyarakat memerlukan.

Selain itu, bagi menilai keberkesanan program kerjasama dilaksanakan, perlu ada petunjuk spesifik menggambarkan hasil pencapaian dan impak program seperti bilangan isi rumah berjaya keluar daripada status miskin tegar, kadar pengekalan pekerjaan serta prestasi pendidikan dan peningkatan kualiti hidup isi rumah di lokaliti miskin tegar.

Diharap juga lebih banyak syarikat korporat akan tampil menyertai Program Kampung Angkat MADANI bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, sekali gus merealisasikan hasrat menoktahkan kemiskinan tegar.

Sejahtera MADANI memberi harapan baharu kepada golongan rentan bahawa masa depan mereka tidak ditentukan latar belakang sosio-ekonomi semata-mata, tetapi kesanggupan seluruh masyarakat untuk membantu.

Dengan membawa semangat kekitaan dan tanggungjawab bersama, program ini bukan sahaja menoktahkan kemiskinan, malah mengangkat martabat rakyat ke tahap lebih sejahtera dan bermaruah.

Kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta bukan lagi pilihan, ia adalah keperluan. Bagi membina negara MADANI inklusif dan mampan, kejayaan Sejahtera MADANI akan menjadi bukti hanya melalui sinergi menyeluruh, kita mampu membawa golongan miskin keluar dari pada kemiskinan dan menuju kesejahteraan sejati.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

